

DATE: 14/ 6/ 2010

Malaysia mampu jadi contoh bantah sekatan Israel ke atas Gaza

BH-14/6/2010

SUNGAI SIPUT: Malaysia mampu menjadi negara contoh di kalangan masyarakat dunia untuk bersuara dan menyatakan bantahan terhadap sekatan yang dilakukan terhadap rakyat Palestin, kata Shamsul Akmar Musa Kamal sukarelawan Perdana Global Peace Organization (PGPO) yang menaiki kapal *Rachel Corrie* dalam misi kemanusiaan ke Gaza, awal bulan ini.

Beliau berkata, Malaysia model sebuah negara Islam yang berani dan tidak pernah membiarkan 'dirinya' secara fizikal atau minda dikongkong negara yang bersekutu dengan Amerika.

"Malaysia mampu menjadi negara perintis untuk bersuara menyatakan bantahan

itu. Mereka perlu melihat keberanian rakyat Malaysia berbanding negara Islam lain. Malaysia satu negara yang majoriti berpenduduk Islam, tetapi tidak pernah membiarkan dikongkong negara bersekutu Amerika.

"Mereka perlu lihat bagaimana kita (Malaysia) berada dalam tekanan menyelesaikan isu perkauman, tetapi tidak sampai dan tidak pernah terfikir untuk melakukan seperti Israel terhadap Palestin.

"Ini adalah contoh terbaik kepada rakyat dunia melihat bagaimana kita mampu menangani masalah itu. Jika kita bersuara, kita ada hak kerana orang akan berkata Malaysia ada perbalahan tetapi tidak timbul sehingga mem-

babitkan pergaduhan kaum," katanya kepada pemberita selepas berkongsi pengalaman bersama penduduk di Sungai Siput, selepas majlis sambutan kepulangannya sebagai Wira Gaza, di pekarangan Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lintang semalam. Hadir sama, ADUN Lintang, Datuk Ahamad Pakeh Adam.

Ketika ditanya mengenai cadangan untuk menyatakan bantahan itu, beliau berkata, masyarakat dunia terutama Malaysia harus mengadakan tekanan berterusan ke atas Amerika.

Dalam perkembangan lain, beliau juga tidak menolak untuk tampil menjadi saksi (mengenai serangan dan



AHAMAD PAKEH memakai 'tengkolok' kepada Shamsul Akmar pada Majlis Sambutan Kepulangan Wira Gaza di pekarangan Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri Lintang.

rampasan bantuan) pada bila-bila masa jika diminta berbuat demikian.

"Saya bersedia pada bila-

bila masa untuk dipanggil sebagai saksi kerana merasakan ia memang sepatutnya," katanya.